

## **IMEJ TUMBUHAN DALAM SLANGA: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

### *Plant Image In Slang: Semantic Inquisitive Analysis*

**Muhammad Zaid Daud**  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

[zaid\\_daud93@yahoo.com](mailto:zaid_daud93@yahoo.com)

#### **ABSTRAK**

Kajian ini akan menganalisis slanga yang mempunyai imej tumbuh-tumbuhan dalam rakaman perbualan secara tidak formal. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dalam menganalisis slanga menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Dapatan kajian diperoleh daripada perbualan secara tidak formal di sekitar Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak dan kemudiannya ditranskripsikan ke dalam bentuk transkripsi perbualan. Sejumlah empat slanga yang mempunyai imej tumbuhan telah dikesan dalam transkripsi perbualan tersebut seperti *getah*, *tebu*, *jambu* dan *langsar* yang telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Seterusnya, analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat tambahan kepada pengkaji dalam menghuraikan makna slanga tersebut. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna sebenar sesuatu slanga sehingga ke akal budi penuturnya.

Kata kunci: slanga, imej tumbuhan, semantik inkuisitif, akal budi penutur

#### ***Abstract***

*This study will analyze the slang that has an image of the plant in an informal recording of the conversation. The study was qualitative in analyzing slang using semantic inquisitive approach by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The findings were obtained from informal conversations at Kuala Lumpur and Kota Samarahan, Sarawak and then transcribed for the form of conversation transcription. A total of four slangs with a plant image were detected in the transcription of the conversation such as rubber, sugar cane, guava and seeds that have been selected by purposive sampling. Next, the Cross-reference Framework (CRF) analysis was applied to obtain additional information about/on the researcher for explaining the meaning of the slang. The combination of CRF with deep cultural information is capable of producing a description of the true meaning of a slang up to the mind of the speaker.*

*Keyword: slang, plant image, semantic inquisitive, mind of the speaker*

## PENGENALAN

Brooke (1973), telah mengungkapkan bahawa variasi yang terdapat dalam sesuatu bahasa diberi beberapa nama oleh ahli-ahli bahasa berdasarkan faktor-faktor yang tertentu seperti, variasi atau ragam bahasa mengikut penggunaan sebagai *register* atau laras dalam ilmu sosiolinguistik. Bagi Brooke lagi variasi bahasa termasuklah slanga, dialek, diglosia dan idiolek. Slanga merupakan sejenis kosa kata yang tidak formal dalam bahasa, termasuklah dalam bahasa Melayu. Slanga dapat disifatkan sebagai *mainan bahasa* kerana penutur bebas menggunakan bahasa tanpa memikirkan kegramatisan sesuatu perkataan atau ayat tersebut sehingga ia dapat membentuk sesuatu makna yang baharu ataupun berlainan daripada makna asalnya. Bagi Dumas dan Lighter (1978, hlm. 53) pula, telah menggariskan empat kriteria yang boleh menentukan sama ada sesuatu bahasa itu slanga, iaitu:

*'Its presence will markedly lower, at least for the moment, the dignity of formal or serious speech or writing; its use implies the user's special familiarity either with the referent or with the less statusful or less responsible class of people who have such special familiarity and use the term; it is a tabooed term in ordinary discourse with persons of higher social status or greater responsibility; it is used in place of the well-known conventional synonym {.....}'.*

(Dumas dan Lighter, 1978, hlm. 53)

Berdasarkan pernyataan tersebut menunjukkan bahawa Dumas dan Lighter (1978) cenderung untuk mendefinisikan slanga dari perspektif bagaimana penutur menyimpang daripada norma-norma dan sikap masyarakat. Menurut Ajid Che Kob (1998) kata kunci dalam pengujaran bahasa slanga yang merupakan ciri-ciri uniknya bertujuan mengaut, memberi lebih makna sambil menengahkan identiti kelompok sosialnya.


Bagi Mhd. Amin Arshad (2000) dalam (Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2016) telah menyenaraikan sebanyak lima belas ciri wujudnya penggunaan bahasa slanga dalam kalangan kelompok masyarakat, iaitu: (1) untuk tujuan hiburan (suka-suka), (2) sebagai latihan untuk menguji kecerdasan, kemahiran atau kebolehan untuk menimbulkan suasana jenaka, (3) untuk menonjol diri sebagai perintis, (4) untuk memperindah pertuturan dan mewarnakan suasana supaya menjadi lebih mesra dan hidup, (5) untuk menarik perhatian orang lain, (6) untuk mengelakkan "klise" atau tujuan penyingkatan tanpa menjejaskan makna, (7) untuk menggayakan bahasa, (8) untuk merumitkan sesuatu yang konkrit kepada yang abstrak, sesuatu yang bersifat jelas kepada yang samar-samar, (9) untuk mengurangkan suasana sungul dan kerisauan dalam perbualan, (10) untuk mengurangkan suasana yang sedih dan serius, (11) untuk tujuan bergurau senda, (12) untuk melicinkan sesuatu perhubungan sosial, (13) untuk mengakrabkan lagi persahabatan yang sedia terjalin, (14) untuk menunjukkan bahawa seseorang itu terdiri daripada satu aliran atau golongan kelas sosial yang sama, dan (15) untuk merahsiakan sesuatu agar orang lain tidak memahaminya.

Dapat dirumuskan bahawa, slanga merupakan suatu bahasa yang dianggap sebagai tidak formal dan dituturkan oleh sesuatu kelompok masyarakat mahupun ahli kumpulan minoriti, namun menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009, hlm. 79), penggunaan slanga ini boleh merebak keluar daripada kumpulan asalnya hingga mewujudkan bahasa yang mudah untuk

difahami. Komuniti yang menuturkan dalam suatu bahasa, slanga mampu melangkaui batas sosial, etnik, ekonomi dan kawasan geografinya. Slanga memiliki ciri-ciri unik dalam bentuk ungkapan dan pengujaran sehingga akhirnya bahasa slanga ini menjadi sangat sinonim, akrab dan berakar umbi untuk membentuk identiti kumpulan (Asmah Haji Omar, 1993).

## KERANGKA SEMANTIK INKUISITIF

Kajian ini menggunakan analisis semantik inkuisitif daripada bidang semantik. Berdasarkan buku *Semantik dan Akal Budi Melayu* oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), sebelum mencapai kepada tahap semantik inkuisitif ini wujudnya semantik skrip dan semantik resonans terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, semantik skrip dan semantik resonans tidak mencapai tahap sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Hal ini disebabkan oleh, semantik skrip hanya melibatkan makna setara yang hanya bersifat harfiah dan pada peringkat kognitif penutur sahaja manakala, semantik resonans pula hanya melibatkan data, teori dan kognitif penutur sahaja. Namun begitu, berbeza pula dengan semantik inkuisitif yang telah mencapai makna yang tertinggi atau telah mencapai makna yang sebenar yang hendak di sampaikan oleh penutur. Rajah 1 akan menerangkan susur galur kerangka semantik inkuisitif yang telah diringkaskan oleh pengkaji.



Rajah 1 Susur galur kerangka semantik inkuisitif

Semantik inkuisitif ini akan melibatkan tutur kata penutur dengan mengambil kira dari segi data, teori, kognitif dan akal budi penutur. Madah yang mendalam adalah akal budi, pemikiran, falsafah, dan maruah bangsa dalam mempertahankan bahasa dan bangsa Melayu. Dengan adanya akal budi penutur ini akan melihat kepada hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran seseorang itu. Menurut Awang Had Salleh (1985), (dalam Nur Afifah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2015), telah menjelaskan bahawa masyarakat Melayu amat memartabatkan nilai budi sehingga budi itu diibaratkan sebagai sendi bangsa kerana jika runtuh maka akan runtuhlah sesuatu bangsa itu. Kajian akal budi ini yang dikaji ini melibatkan bahasa berkias iaitu kiasan Melayu yang padanya terdapat pada peribahasa Melayu.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014), (dalam Nur Afifah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2015), dengan bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* (2014), telah

memperkenalkan pendekatan yang baharu iaitu semantik inkuisitif dalam meneroka makna dan falsafah di sebalik peribahasa ini. Inkuisitif membawa maksud semangat ingin tahu serta dorongan untuk kita terus meneroka mencari jawapan kepada apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan itu supaya bertepatan dengan maksud sebenar yang hendak disampaikan. Pendekatan semantik di peringkat ini menggabungkan data, teori, kognitif dan akal budi atau intelektual Melayu yang melibatkan geografi, sejarah, etnologi, budaya, agama, sains, sosiologi dan pelbagai lagi.

Kebanyakan kajian kiasan terhenti setakat peringkat resonans tetapi kali ini, Nor Hashimah cuba menyingkap makna tersirat yang hendak disampaikan melalui peribahasa dan akhirnya dikaitkan dengan falsafah yang ingin diungkapkan. Selain makna dikupas, Nor Hashimah turut menjawab kenapa objek itu dipilih dalam bahasa kiasan tersebut (Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2015).

Dengan itu, jika dibandingkan dengan semantik skrip dan semantik resonans, semantik inkuisitif merupakan yang terbaik dalam menilai makna yang sebenar yang hendak di sampaikan oleh penutur. Semantik skrip yang hanya terhad kepada pengamatan dan andaian lalu. Dengan membuat andaian lalu membentuk tafsiran makna secara tersurat manakala, semantik rasonans pula menambah baik dengan mengambil kira data, teori, dan kognitif secara tersirat. Oleh itu, semantik inkuisitif telah memartabatkan satu tahap yang lebih tinggi dan mendalam lagi sehingga ke peringkat akal budi Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014:57). Bagi kajian ini pengkaji akan menggunakan ungkapan slanga dalam perbualan di kedai kopi menggunakan kaedah semantik inkuisitif dan seterusnya akan menyingkap makna sebenar yang tersirat dalam perihal makna slanga bersifat implisit itu.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Pada bahagian ini pengkaji akan menyorot dua pengkajian daripada sarjana lepas yang melibatkan pengkajian slanga dari pelbagai sudut perspektif dan seterusnya pengkajian mengenai pendekatan semantik inkuisitif. Melihat kepada kedua-dua aspek ini merupakan pembacaan autentik kerana aspek slanga dan semantik inkuisitif merupakan inti pati khusus pada kajian ini.

Kajian mengenai slanga telah banyak dijalankan oleh sarjan yang lepas sama ada di dalam mahupun luar negara dengan pelbagai perspektif kajian linguistik khususnya seperti, pragmatik, semantik, sosiolinguistik, morfologi, sintaksis dan sebagainya. Antara sarjana lepas yang menjadikan slanga sebagai dapatan kajian mereka adalah seperti Arua & Modupe (2009), Sara Hashemi Shahraki & Abbass Eslami Rasekh (2011), Tay (2011), Zhou & Fan (2013), Nadiyah Suboh (2013), Kheren Kazia Adolof (2014), Aboh (2015), Setiawan Nugroho (2015), Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016; 2017) serta Muhammad Zaid Daud (2017). Dengan itu, kajian-kajian tersebut telah menjadi panduan kepada pengkaji dalam menyorot isu-isu berkaitan dengan slanga yang telah menjadi inti kepada kajian ini.

Aboh (2015), menunjukkan bahawa penulis novel di Nigeria telah menggunakan slanga untuk mengekspresikan perasaan terbuka mereka mengenai seks dan tajuk yang berkaitan dengannya. Tajuk yang berkaitan dengan seks di negara tersebut dianggap sebagai tabu dan

tidak patut dibicarakan/dibincangkan secara terbuka. penulisan tersebut mengkaji mengenai penggunaan slanga dalam novel yang bertajuk *Helon Habila's Waiting for an Angel*, *Vincent Egbuson's Love My Planet*, *Abimbola Adelakun's Under the Brown Rusted Roofs* dan *Okey Ndibe's Arrows of Rain*. Salah satu datanya yang merupakan slanga yang berkaitan dengan seks iaitu kata *A gun* di mana makna konseptualnya adalah merujuk pistol jika diterjemahkan secara harfiah namun, implisitnya kata tersebut merujuk kepada alat sulit lelaki. Kajian Maslida Tusof & Karim Harun (2015) yang bertajuk *Bahasa Melayu Terpinggir dalam Media Baharu* telah membincangkan mengenai isu keterpinggiran bahasa Melayu di dalam media terutamanya internet. Beliau telah menjelaskan bahawa keterpinggiran bahasa dalam media seperti internet ini dapat diklasifikasikan kepada dua perkara iaitu kurangnya frekuensi penggunaan bahasa Melayu dan kualiti penggunaan bahasa Melayu yang amat rendah dengan wujudnya campur aduk bahasa asing, singkatan mahupun slanga dapat menyebabkan terpinggirnya bahasa Melayu di dalam media internet tersebut. Selain itu, terdapat juga kajian slanga yang menyentuh aspek morfologi dan sintaksis seperti kajian Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud (2016), memperlihatkan pembuktian penggunaan slanga mampu menjadi kata penguat dalam bahasa Melayu yang dipertuturkan oleh rakyat Malaysia. Kajian tersebut dijalankan terhadap 360 orang responden dan mendapati bahawa istilah giler merupakan slanga yang bertindak sebagai kata penguat bebas dalam bahasa Melayu seperti *sungguh*, *amat* dan *sangat*. Pengkajian mengenai slanga tidak terbilang kajiannya sama ada dijalankan oleh sarjana dalam mahupun luar negara, namun melihat kepada sorotan kajian-kajian lepas ini membantu pengkaji melihat kepelbagaian perspektif pengkajian slanga.

Seterusnya, pengkaji turut menyorot kajian lepas berdasarkan pengkajian semantik inkuisitif seperti Nor Hashimah Jalaluddin (2014a; 2014b; 2015), Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Julaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2015; 2016), Julaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) dan Muhammad Zaid Daud<sup>1</sup> (2017; Terkini).

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam Pemugaran Penyelidikan untuk Pemerksaan Bahasa telah menerangkan bahawa banyak aspek perlu dilihat agar bahasa tersebut segar dan kekal relevan. Kajian bahasa kiasan seperti peribahasa dan simpulan bahasa telah banyak dijalankan, namun menurut beliau kajian-kajian sebelum ini hanyalah melihat kepada semantik skrip dan hanya mencari maknanya yang harfiah sahaja. Antaranya data beliau adalah, *bagai menanam tebu di tepi bibir* yang membawa maksud membuat janji-janji manis tetapi, tidak ditepati. Berdasarkan data tersebut beliau telah mempersoalkan kenapa tebu dan bibir dapat dikaitkan dengan perilaku yang negatif. Tugas SI lah yang perlu menjawab persoalan-persoalan tersebut berdasarkan maklumat konteks dan budaya yang melingkungi masyarakat penutur harus dipadukan bagi mencungkil falsafah di sebalik makna yang hendak disampaikan. Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2015), telah memperlihatkan konsep ruang melalui flora dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* melalui pendekatan SI. Analisis telah melibatkan 82 data yang diambil daripada *Cerita Anggun Cik Tunggal* dan Penggunaan dan pemilihannya menunjukkan kepekaan orang Melayu terhadap alam sekeliling mereka dan membuktikan ketinggian akal serta kebijaksanaan orang Melayu. Kajian yang terhasil diharapkan dapat menambah lagi kosa ilmu berkaitan cerita lipur lara Melayu tetapi bukan melihat daripada sudut sastera tetapi sudut bahasanya.


Kajian Junaidi Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin (2015) pula, melalui peribahasa, pemikir Melayu menyampaikan maksud atau pandangan hidupnya tentang peri pentingnya

pengalaman dan ilmu. Oleh itu, ia memerlukan ‘mata hati’ untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar, yang hendak disampaikan. Makna dan akal budi Melayu melalui unsur asam yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Bagi tujuan kajian Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016), adalah mengenai deria rasa masam, masin, manis dan pahit dalam kiasan Melayu. Data utama kajian ini ialah peribahasa-peribahasa Melayu yang berunsurkan deria rasa dan asosiasi daripada makna yang tersirat daripada makna masam, manis, masin, dan pahit. Manakala kajian Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) bertujuan bagi meneroka akal budi dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam peribahasa dengan memberi tumpuan kepada unsur ikan melalui kaca mata SI. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat 135 peribahasa Melayu yang berasaskan ikan telah dikumpulkan dalam kajian tersebut. Kajian yang dijalankan oleh mereka bukan sahaja dapat menghuraikan fenomena yang berlaku dalam peribahasa, malah dapat juga mencungkil kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu pada zaman dahulu yang tinggi pemikirannya.

Kesimpulannya, kedua-dua kajian yang merupakan inti pati utama bagi kajian ini telah disorot secara autentik daripada kajian sarjana-sarjana lepas. Memperlihatkan kajian slanga lebih tertumpu pada makna slanga itu sendiri seperti melibatkan makna konotatif dalam kepenggunaan perucapannya. Bagi bidang kajian semantik inkuisitif pula, lebih memfokuskan peribahasa Melayu sebagai data kajiannya terutamanya melibatkan unsur flora seperti kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2014a; 2014b; 2015), Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Junaidi Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016) dan Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaidi Kasdan (2017a; 2017b). Terdapat juga penggunaan unsur fauna bagi kajian peribahasa dan semantik inkuisitif ini seperti kajian Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016). Walau bagaimanapun, kajian mengenai slanga yang melibatkan imej tumbuhan dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif adalah terhad. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu menutupi kelompangan kajian yang sedia ada.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data slanga ini telah dikutip dan dikumpul daripada kajian lapangan menerusi rakaman informan secara tidak formal serta catatan transkripsi perbualan. Susur galur prosedur menganalisis data bagi kajian secara tiga peringkat seperti mana yang terdapat pada rajah 2 di bawah.



Rajah 2 Prosedur menganalisis data

Kajian ini akan menganalisis slanga dalam perbualan di kedai kopi sekitar Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak. Pemilihan kawasan kajian adalah disebabkan oleh pengkaji mendiami kawasan tersebut. Semasa aktiviti pengumpulan data satu rakaman perbualan secara tidak formal telah dilakukan bagi mendapatkan data kajian. Melalui kaedah rakaman perbualan secara tidak formal ini juga pernah dijalankan oleh sarjana lepas dalam kajian mereka seperti Gan (2000) dan Muhammad Zaid Daud (2017). Oleh sebab, informal merupakan dalam kalangan rakan-rakan dan ahli keluarga pengkaji dapatan data yang lebih asli mudah diperolehi kerana tidak melibatkan unsur-unsur formaliti dalam perbualan. Walaupun, kajian ini melibatkan rakaman perbualan secara tidak formal pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran informal bagi merakam perbualan tersebut dan akan digunakan sebagai dapatan kajian ini, namun bila rakaman tersebut dirakam tidak diberi tahu.

Sebanyak 9 rakaman perbualan telah diperolehi pengkaji tetapi, tidak semua rakaman perbualan tersebut mengandungi slanga yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan yang dikehendaki oleh pengkaji. Selepas penyaringan data terdapat 3 transkripsi perbualan yang mengandungi slanga yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan. Pemilihan data ini berdasarkan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pengkaji memilih sampel berdasarkan kesesuaiannya untuk memenuhi objektif kajian.

Selepas selesai rakaman data diperolehi, perbualan secara spontan ini telah dimainkan semula berulang kali oleh pengkaji untuk mendengar semula perbualan dengan teliti dan kemudiannya ditranskripsikan dalam bentuk tulisan Roman. Oleh sebab, kebanyakan rakaman perbualan ini dipertuturkan dalam bahasa Melayu dan ada juga sebilangan data yang diperolehi pengkaji di dalam bahasa Inggeris dan dialek Melayu Kelantan/Sarawak, pengkaji telah membahagikan bahasa-bahasa dan dialek ini kepada beberapa bentuk tulisan. Hal ini bertujuan untuk membezakan antara bahasa standard dengan bahasa lain mahupun bahasa dengan dialek yang lain. Berikut merupakan bentuk tulisan yang telah dibahagikan oleh pengkaji di dalam transkripsi tersebut:

- a) Bahasa Melayu : Huruf biasa
- b) Bahasa Inggeris : Huruf *Italics*
- c) Dialek Melayu Kelantan/Sarawak: Huruf bergaris
- d) Ujaran Slanga: Huruf **tebal dan bergaris**

Pada peringkat ketiga merupakan peringkat penganalisan data. Pada peringkat ini pendekatan semantik inkuisitif telah diterapkan berdasarkan slanga-slanga tersebut. Pada bahagian ini RRS juga dilakukan bagi membolehkan dua ayat yang tidak mempunyai rujukan khusus tetapi bantuan anteseden dan maklumat tambahan dapat digunakan berdasarkan konteks yang dibekalkan dalam ayat itu sendiri (Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2015 hlm. 8).

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat slanga yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan yang terdiri daripada kata *getah*, *tebu*, *jambu* dan *langsat* yang telah dikumpul oleh pengkaji berdasarkan transkripsi perbualan di KK ini. Berikut merupakan slanga di KK yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan berserta makna mudahnya dan nama saintifik bagi data itu.

NO.	SLANGA	MAKNA MUDAH	IMEJ	NAMA SAINTIFIK
1.	<b>Patoh getoh (DMK)</b>	Mati pucuk (Bagi lelaki)	Getah	<i>Hevea brasiliensis</i>
2.	<b>Kunyah tebu</b>	Makan tidak kenyang-kenyang	Tebu	<i>Saccharum</i>
3.	<b>Mat Jambu</b>	Lelaki yang mempunyai perwatakan/rupa paras menarik	Jambu	<i>Syzygium aqueum</i>
4.	<b>Jua Langsat (DMK)</b>	Singgah merata-rata tempat	Langsat	<i>Lansium domesticum</i>

Jadual 1 Imej tumbuhan dalam slanga

Oleh itu, data-data slanga seperti *patoh getoh*, *kunyah tebu*, *mat jambu* dan *jua langsat* akan dibincangkan pada bahagian ini melalui pendekatan semantik inkuisitif yang diperoleh daripada transkripsi perbualan. Dalam pada itu, pengkaji turut memperoleh data daripada Dialek Melayu Kelantan (DMK) semasa mentranskripsikan dialog perbualan di KK walaupun, data tersebut di dalam DMK tidak mencatatkan dapatan kajian yang akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan pendekatan SI dengan kesinambungan RRS.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini pengkaji akan menganalisis data berdasarkan dapatan kajian. Sehubungan dengan itu, bagi menjaga privasi informan, pengkaji tidak meletakkan nama penuh informan tetapi hanya menggantikannya dengan **HURUF ABJAD** sahaja. Hal ini demikian kerana terdapat di dalam rakaman perbualan tersebut mengandungi perbualan yang dianggap **sulit** bagi pengkaji dan informan. Semasa pengkaji turut serta di dalam perbualan tersebut pengkaji akan meletakkan huruf abjad seperti **Z** di dalam transkripsi perbualan tersebut.



### **Slanga: Patoh Getoh (Dmk)**

#### **Lokasi: Warung Kopi Abe Salleh, Kuala Lumpur**

J: ... dok main denge anak ore jah, tok se ado anak sendiri ko?

K: Tau. Nanti-nanti kot.

B: Hoo la. Tapi kalu doh boleh anak sendiri. Happy sikit. (Ketawa)

J: ... Mek nok tanye nim. Tok soh nok marah. Betol ko tok laki mu tu **patoh getoh**? Sebab tuh payoh nok bui anak ko demo?

B: Mu ni! Mulut tu. Tok soh jadi **mulut beruh** sangat la. Dok fikir perasaan ore tu. Doh ore tak dop rezeki boleh anak. Oyap gitu pulok.

#### **Analisis Semantik**

J: ... Mek nok tanye nim. Tok soh nok marah. Betol ko tok laki mu tu **patoh getoh**? Sebab tuh payoh nok bui anak ko demo?

Bentuk logik:

(1) : ... Mek nok tanye nim. Tok soh nok marah. Betol ko tok laki mu tu \_\_\_\_\_ ? Sebab tuh payoh nok bui anak ko demo? [mati pucuk]

Makna mudah bagi slanga yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan iaitu *patoh getoh (DMK)* adalah lelaki yang mengalami masalah untuk mencapai ereksi sepenuhnya ketika hendak melakukan hubungan kelamin.

#### **Analisis Semantik Inkuisitif**

erdasarkan bentuk logik yang telah dibincangkan pada analisis semantik tadi telah membawa makna slanga *patoh getoh (DMK)* kepada makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Di peringkat analisis semantik melalui bentuk logik sesuatu ujaran telah memberikan makna implisit kepada slanga *patoh getoh (DMK)* yang membawa makna lelaki yang tidak mencapai ereksi sepenuhnya ketika hendak melakukan hubungan kelamin. Dalam pada itu, konsep dan makna slanga boleh diteliti melalui transkripsi perbualan sebagai data utama seperti merujuk Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin (2015) dengan menggabungkan data dan pendekatan RRS daripada sudut proses kognitif yang dapat dihuraikan makna sesuatu ujaran itu dengan lebih berpada. Berikut merupakan data penggunaan slanga *patoh getoh (DMK)* yang terdapat dalam transkripsi perbualan di KK melalui pendekatan RRS.

Betol ko tok laki mu tu \*\*\***patoh getoh**\*\*\*? Sebab tuh payoh nok bui anak ko demo.



Sebelum huraian yang lebih mendalam mengenai slanga tersebut pengkaji akan menterjemahkan ujaran tersebut kepada BMS terlebih dahulu untuk tujuan pemahaman pembaca yang tidak mahir dengan DMK. Ujaran tersebut adalah seperti berikut *Betul ke suami*

*kamu tu patah getah (slanga)? Sebab tu susah nak beri anak kepada kamu?.* Oleh itu, dalam frasa *tok laki (suami)* yang merujuk kepada lelaki/suami dan *sebab tu payoh nok bui anak ko demo? (Sebab tu susah nak beri anak kepada kamu?)* telah menjadi maklumat tambahan yang boleh membantu pembaca memahami maksud sebenar slanga yang hendak disampaikan kepada penutur sebagai gagal memberikan zuriat kepada rakannya itu.

Walau bagaimanapun, wujudnya persoalan kenapakah penutur menggunakan istilah *patoh getoh (DMK)* bagi merujuk seorang lelaki yang tidak mencapai ereksi sepenuhnya ketika hendak melakukan hubungan kelamin atau makna istilah perubatannya dikenali sebagai mati pucuk atau *erectile dysfunction*. Oleh itu, bukti kukuh analisis semantik inkuisitif dapat menjelaskan metafora di sebalik penggunaan slanga tersebut seperti persoalan-persoalan tersebut. Di sini dari sudut semantik inkuisitif wujud persoalan kenapa lagi dan perlu diterokai hingga menemui jawapan yang dapat menonjolkan akal budi penutur (Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016). Dengan itu, pengkaji akan menghuraikan satu persatu makna literal bagi dua leksikal slanga ini *patoh getoh (DMK)* iaitu *patoh (patah)* dan *getoh (getah)* dan seterusnya akan dihuraikan berdasarkan pendekatan SI untuk melihat kesinambungan slanga *patoh getoh* ini dengan masalah seorang lelaki gagal untuk mencapai ereksi sepenuhnya ketika hendak melakukan hubungan kelamin.

Kata *patah* menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) adalah putus (bukan barang yang keras dan panjang), tidak bertaut atau bercantum kuat-kuat lagi manakala, kata *getah* pula merupakan bahan kenyal atau diperbuat daripada susu getah. Hal ini sangat berkaitan dengan anggota kelamin lelaki yang tidak mampu mencapai ereksi sepenuhnya kerana seperti kata *patah* merujuk kepada hal yang tidak kuat atau keras dan ditambah lagi dengan anteseden *getah* sebagai objek tambahan bagi slanga tersebut. Dapat dilihat bahawasanya bahasa kiasan tidak akan lari daripada unsur alam dan budaya kerana bahasa kiasan itu sendiri lahir dari pengamatan dan pengalaman hidup sesuatu masyarakat yang diciptanya daripada unsur alam sering ditemui dalam bahasa kiasan dengan menggunakan tumbuhan sebagai objek pembayang kata (Nor Hashimah Jalaluddin, 2015) seperti mana slanga ini diujarkan.

Berdasarkan kesinambungan slanga *patoh getoh (DMK)* ini dapat dikaitkan dengan masalah sakit tuan dari sudut sains perubatan adalah bertepatan dengan konteks ayat tersebut. Hal ini demikian kerana sakit tuan yang didefinisikan oleh Mohd Ismail Tambi (1995:1) dalam (Mohd Faisal Musa, 2014), sebagai penyakit dan masalah fungsi yang terdapat pada anggota reproduksi lelaki. Dalam hal ini, penyakit tersebut boleh berlaku pada zakar, buah zakar, kerandut buah zakar dan anggota lain yang berkaitan. Antara masalah yang sering dirujuk dalam konteks mati pucuk adalah seperti gangguan ereksi, masalah ketegangan zakar, dan lambat atau cepat ejakulasi. Penjelasan Mohd Ismail Tambi tersebut turut disokong oleh *European Association of Urology (EAU)* yang menyatakan bahawa sakit tuan lazimnya merujuk kepada masalah mati pucuk atau istilah perubatannya *erectile dysfunction* dan *premature ejaculation* (Wespes et al. 2002).

Seperti yang telah dijelaskan sebentar tadi bahawa mati pucuk berkaitan gangguan ereksi, masalah ketegangan zakar, dan lambat atau cepat ejakulasi. Merujuk kembali frasa *sebab tu payoh nok bui anak ko demo? (Sebab tu susah nak beri anak kepada kamu?)* daripada RRS telah mempertalikan slanga *patoh getoh (DMK)* ini dengan masalah mati pucuk kerana masalah yang kelihatan hampir sama dengan masalah sakit tuan seperti ketidaksuburan sperma yang mengakibatkan berlakunya kemandulan. Menurut Inhorn (2004:162) kemandulan

didefinisikan sebagai kegagalan memperoleh anak selepas setahun atau lebih selepas berusaha, sehingga mengakibatkan berlakunya ketiadaan anak tanpa rela (*involuntary childlessness*). Dalam konteks ini menurut Mohd Faisal Musa (2014) kemandulan lelaki berlaku kerana jumlah benih yang sedikit pada air mani (*oligospermia*), mutu benih yang tidak sihat pada air mani (*asthenospermia*), kecacatan benih pada air mani (*teratospermia*) dan ketiadaan benih pada air mani apabila dipancarkan (*azoospermia*). Kemandulan tidak semestinya bermaksud penghidapnya mengalami sakit tuan seperti mati pucuk dan ejakulasi pra-matang; malah kajian yang ada memaparkan lelaki mandul mempunyai kehidupan seks yang normal dan baik. Dapat disimpulkan di sini bahawa, pemilihan leksikal *patoh* (*patah*) dan *getoh* (*getah*) adalah sangat tepat bagi penutur bagi membuktikan suami kepada rakannya itu mengalami masalah sakit tuan kerana gagal memberikan zuriat kepada rakannya itu seperti mana yang telah dibincangkan dengan panjang lebarnya sebentar tadi.

### **Slanga: Kunyah Tebu**

#### **Lokasi : Kedai Kopi Haji Man, Kuala Lumpur**

Z : Aku nak oder makan tadi. Tapi tunggu kau. Lambat. Aku soh (suruh) diaorang tu tunggu. Kau nak makan apa? Haha (gelak) aku belanja.

R : Weh. Bakal pengantin nak belanja makan la.

Z : Arhh cepat la. Lapar ni.

R : Ah kau. Makan cam orang **kunyah tebu** ja. Makan buang. Makan buang. Tak kenyang-kenyang. Kang tak muat baju kahwin nanti. Baru kau tahu. Sebab dah gemuk. Diet lah kau.

Z : Tak pe. Gemuk-gemuk aku pun de orang sayang. Sedap cikit bini aku peluk aku nanti. Haha (gelak). Tak cam kau. Nak *sado* konon. Tapi, tak laku.

#### **Analisis Semantik**

R : Ah kau. Makan cam orang **kunyah tebu** ja. Makan buang. Makan buang. Tak kenyang-kenyang. Kang tak muat baju kahwin nanti. Baru kau tahu. Sebab dah gemuk. Diet lah kau

Bentuk logik:

(2) R : Ah kau. Makan cam orang \_\_\_\_\_ ja. Makan buang. Makan buang.

[makan tak pernah kenyang] Tak kenyang-kenyang. Kang tak muat baju kahwin nanti. Baru kau tahu. Sebab dah gemuk. Diet lah kau.

Bagi data slanga *kunyah tebu* ini pengkaji memperlihatkan tahap pendekatan semantik skrip dan rasonans terlebih dahulu bagi menjelaskan secara umum makna slanga *kunyah tebu* di bawah analisis semantik melalui bentuk logik sesuatu makna implisit dalam sesuatu ujaran itu.


i. Semantik skrip: Bermaksud perihal seseorang yang banyak makan tetapi tidak cepat merasa kenyang.

ii. Semantik resonans: Dari segi kognitif, *tebu* merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang boleh menghasilkan air yang manis dengan mengunyah batangnya kemudian hampasnya dibuang (tidak dapat makan). Ini boleh dikaitkan pemerhatian tingkah laku seseorang mendapatkan hasil (untuk minum) daripada *tebu* tersebut.

Walau bagaimanapun, pemberian makna bagi slanga *kunyah tebu* tidak berhenti di sini sahaja kerana data slanga KK yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan ini akan dianalisis menggunakan pendekatan SI berdasarkan ujaran penutur dikuatkan lagi dengan RRS terhadap ujaran tersebut,

### Analisis Semantik Inkuisitif

Berikut merupakan contoh penggunaan slanga *kunyah tebu* melalui pendekatan RRS seperti mana yang terdapat di dalam transkripsi perbualan di KK.



Melalui pendekatan semantik dengan menggunakan bentuk logik penutur berdasarkan ujaran transkripsi di KK pengkaji telah menganalisis slanga *kunyah tebu* berdasarkan sudut semantik skrip dan semantik resonans namun, analisis tersebut tidak cukup untuk menghuraikan makna sebenar sesuatu slanga itu. Oleh itu, pengkaji cuba menginterpretasikan makna sebenar slanga ini dengan mengambil kira data (transkripsi perbualan di KK), teori, kognitif, falsafah dan akal budi penuturnya untuk mencapai ke tahap SI (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

(iii) Semantik inkuisitif: Berdasarkan slanga di KK yang berasosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan leksikal *tebu* telah dipilih oleh penutur sebagai pembayang kepada slanga *kunyah tebu* seperti mana yang terdapat dalam RRS tersebut. Frasa *makan buang. makan buang, tak kenyang-kenyang, baru kau tahu (kesan)* dan *diet lah kau (sampingan)* telah menjadi anteseden kepada slanga tersebut yang membantu pengkaji memahami makna implisit bagi slanga tersebut. Berdasarkan frasa *makan buang. makan buang* membawa makna seseorang yang makan dan kemudiannya membuang air besar ditambah pula dengan frasa *baru kau tahu* merupakan kesan kepada seseorang yang tidak menjaga makanan dan ujaran *diet lah kau* mampu memberi kesan pada masa hadapan kepada seseorang yang menjaga pemakanannya.

Walau bagaimanapun, pengkaji mempersoalkan kepada pemilihan leksikal *tebu* bagi menggambarkan seseorang yang suka makan tapi tidak kenyang-kenyang. Berdasarkan kajian-kajian lepas Nor Hashimah Jalaluddin (2014), ada membincangkan leksikal *tebu* dalam peribahasa Melayu iaitu *tanam tebu di tepi mulut*. Berdasarkan kajian tersebut beliau telah mempersoalkan kenapa pemilihan leksikal *tebu* dan *mulut* digunakan dalam peribahasa tersebut yang membawa kepada tingkah laku yang negatif iaitu sikap seseorang yang membuat janji-janji manis namun, tidak ditepati. Dengan itu, bagi slanga *kunyah tebu* ini juga membawa makna yang konotatif kerana menggambarkan sikap seseorang yang kerap makan dan tidak kenyang-kenyang. Persoalannya, kenapa *kunyah* dan *tebu*? Kata *kunyah* membawa makna melumatkan (menghancurkan) makanan dalam mulut dengan gigi sebelum membuangnya/menelannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Kenapa *tebu* pula? *Tebu* merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang dapat mengeluarkan air yang manis/sedap untuk minum namun, kenapakah kelakuan kunyah *tebu* ini dikaitkan dengan kelakuan negatif seseorang yang tidak dapat mengawal nafsu makanannya.

Bagi slanga *kunyah tebu* ini leksikal *kunyah* tidak perlu diberi perincian makna yang mendalam bagi pengkaji. Hal ini demikian kerana leksikal *kunyah* merupakan anteseden sebelum leksikal *tebu* yang merupakan kata kerja yang menerangkan kelakuan seseorang mengunyah *tebu*. Namun, pengkaji mempersoalkan kenapa pemilihan *tebu* digunakan oleh penutur sebagai pembayang kepada slanga ini sedangkan banyak lagi tumbuh-tumbuhan/buah-buahan lain yang mampu menggantikan tempat *tebu* tersebut. Dengan itu, di sinilah perlunya pendekatan SI untuk menjawab persoalan tersebut. Persoalan leksikal *tebu* ini dirujuk berdasarkan kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2014), yang memperhatikan struktur *tebu* yang mempunyai daun yang tajam, kasap/miang dan mempunyai kulit yang keras dan liat namun, menghasilkan air yang manis dan enak rasanya. Dengan rasa yang manis dan enak rasanya *tebu* mampu menghasilkan air. Cara penghasilan air *tebu* boleh dihasilkan melalui dua cara iaitu secara praktikalnya menggunakan mesin *tebu* manakala, secara manualnya menggunakan kaedah mengunyah menggunakan gigi untuk mendapatkan airnya yang manis dan enak itu dan kemudiannya hampas *tebu* tersebut dibuang. Dapat melihat kesinambungan kepada slanga *kunyah tebu* tersebut makna yang hendak disampaikan oleh penutur pada mula-mula yang dibincangkan pada awal analisis iaitu sikap seseorang makan tak pernah kenyang. Hal ini demikian kerana dengan mengunyah *tebu* tersebut tidak mampu memberikan kekenyangan kepada seseorang itu tetapi, mampu menghilangkan rasa haus. Berbalik pula pada frasa *makan buang*. *makan buang* seperti mana yang terdapat pada RRS telah menunjukkan kelakuan normal seseorang yang akan makan dan kemudiannya membuang air besar secara implisit nya kerana penutur menghormati konteks di kedai makan/KK dan menggunakan eufemisme bagi menggantikan kata berak/membuang air besar. Hal ini berkaitan dengan hal kebencian yang dimaksudkan dalam masyarakat tersebut adalah mengenai persepsi terhadap orang di sekeliling mereka yang mempunyai sifat atau perangai buruk dan juga mengenai kekotoran (Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, Remmy Gedat, 2017).

**Slanga: Mat Jambu**

**Lokasi : Kedai Kopi Haji Man, Kuala Lumpur**

R : Wehh. Kau *free* ja kan. Aku nak minta tolong kau. Teman aku pergi sekolah. Kasi kad kahwin aku kat cikgu-cikgu.

J : Ok boleh ja. Haha (gelak). Mesti cikgu-cikgu tu terkejut dapat tau kau dah nak kahwin. **Mat jambu** sekolah lah kata kan. Budak *hot*. Semua orang kenal.

R : Mana tak nya. Dak yang selalu ponteng kelas. Panjat pagar sekolah nak kahwin.

J : Haha (gelak). Tak pa la. Tu kisah silam. Jangan di kenang. Untung la kau. Muda-muda lagi dah kahwin. Aku ni tak de jodoh lagi.

### Analisis Semantik

J : Ok boleh ja. Haha (gelak). Mesti cikgu-cikgu tu terkejut dapat tau kau dah nak kahwin. **Mat jambu** sekolah lah kata kan. Budak *hot*. Semua orang kenal.

Bentuk logik:


(iii) B : Ok boleh ja. Haha (gelak). Mesti cikgu-cikgu tu terkejut dapat tau kau dah nak kahwin. \_\_\_\_\_ sekolah lah kata kan.  
[Lelaki yang mempunyai perwatakan/rupa paras menarik] Budak *hot*. Semua orang kenal.

Umumnya, makna mudah bagi slanga *mat jambu* merujuk kepada seseorang lelaki yang mempunyai perwatakan/rupa paras yang menarik/menjadi kegila-gilaan kepada seseorang.

### Analisis Semantik Inkuisitif

Seperti setiap permulaan analisis SI pengkaji menggunakan pendekatan RSS bagi mencungkil makna sebenar sesuatu slanga itu berdasarkan RRS ia merupakan maklumat tambahan yang boleh membantu pembaca memahami maksud yang hendak disampaikan oleh penutur iaitu *mat jambu*. Berikut merupakan RRS daripada transkripsi perbualan di KK bagi slanga tersebut.

J : ... **\*\*\*Mat jambu\*\*\*** sekolah lah kata kan. Budak *hot*. Semua orang kenal.



Pemberian makna bagi slanga *Mat Jambu* ini telah diperoleh daripada analisis semantik – bentuk logik lagi iaitu dengan membawa maksud seseorang lelaki yang mempunyai perwatakan/rupa paras yang menarik/menjadi kegila-gilaan kepada seseorang. Makna slanga tersebut juga dikuatkan lagi dengan analisis RRS sebagai maklumat tambahan yang merupakan anteseden kepada slanga *Mat Jambu* tersebut. Dengan itu, merujuk kepada RRS tersebut leksikal kata nama *sekolah* serta frasa *Budak hot* dan *semua orang kenal* telah menambahkan lagi evident pengkaji untuk menyingkap makna sebenar slanga tersebut. Hal ini demikian kerana, leksikal *sekolah* telah merujuk kepada sesuatu tempat yang besar yang menjadi tempat para pelajar lelaki dan perempuan untuk mendapatkan pendidikan yang formal. Dalam pada itu, di sekolah jugalah tempat untuk para pelajar untuk menonjolkan diri mereka untuk dikenali oleh rakan-rakan lain mahupun, dalam kalangan guru-guru. Oleh itu, frasa *Budak hot* dan *semua orang kenal* merupakan sokongan kepada data tersebut.

Namun begitu, analisis ini tidak berhenti di sini sahaja kerana pengkaji perlu mempersoalkan kenapa pemilihan objek dan imej bagi sesuatu slanga itu. Bagi data slanga ini *Mat* merupakan objek manakala *jambu* merupakan objek tambahan bagi slanga ini. Seperti sedia maklum nama panggilan *Mat* begitu sinonim dengan lelaki terutama seseorang yang bernama *Mamat*, *Ahmad* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, wujud persoalan pengkaji kenapa pemilihan buah-buahan *jambu* dipilih bagi mewakili objek slanga tersebut untuk merujuk kepada lelaki yang mempunyai rupa paras/perwatakan yang menarik. Secara saintifiknya nama jambu merupakan *Syzygium samarangense* yang mudah diperolehi di pasar basah dan pasar raya. Buah jambu juga merupakan salah satu buah-buahan yang senang didapati di Malaysia atau negara-negara beriklim tropika.



Rajah 4.0 Jambu air (*Syzygium samarangense*)

Tetapi apakah kaitannya jambu air tersebut bagi merujuk makna kepada seseorang lelaki yang mempunyai perwatakan/rupa paras yang menarik/menjadi kegila-gilaan kepada seseorang. Seperti yang sedia maklum leksikal *Mat* telah menerangkan ia merujuk kepada lelaki namun, kaitan *paras yang menarik/menjadi kegila-gilaan kepada seseorang terutama wanita/perempuan* dengan jambu tersebut masih belum terjawab.

Bagi menjawab kepada persoalan tersebut pengkaji melihat kepada warna jambu air tersebut yang sudah tentu berwarna merah dan begitu menarik perhatian manusia mahupun haiwan. Tambahan pula, bahasa kiasan tidak akan lari daripada unsur alam kerana ia meliputi sifat, kategori dan tabiat umum tumbuh-tumbuhan itu sendiri dan mampu menjadi objek pembayang kata bagi sesuatu bahasa kiasan tersebut (Nor Hashimah Jalaluddin, 2015). Oleh itu, masyarakat Melayu khususnya bijak menggunakan unsur alam untuk menggantikan sesuatu ujaran yang mampu melukai hati pendengar. Pengkaji turut mengaitkan dengan warna merah jambu (*pink*) yang sememangnya menjadi kegilaan/kegemaran gadis-gadis kerana warnanya yang lembut dan bersifat feminin jika digayakan oleh golongan wanita. Dapat dirumuskan bahawa, slanga *mat jambu* yang membawa makna yang telah dianalisis sebentar tadi telah terjawab.

**Slanga: Jua Langsung (DMK)**

**Lokasi: Kedai Kopi Abe Salleh**

A : Kito tunggu ngoh kat kedai abe se la weh.

B : Hom lah. Dop tau ngoh bilo nok sampai.

A : Tu loh. Payoh nok beruruse denge ngoh sore nim. Jenis ore **jua langsung** payoh nak caro. Dok tau mane kepala eko. Sesak merata jah.

### Analisis Semantik

Bentuk logik:


Tu loh. Payoh nok beruruse denge ngoh sore nim. Jenis ore \_\_\_\_\_ payoh nak caro. Dok tau mane kepala eko. Sesak merata jah. [singgah merata-rata tempat]

Bagi slanga KK *jua langsung* (jual langsung) agak rumit untuk dianalisis menggunakan analisis semantik melalui bentuk logik ini. Hal ini demikian kerana penggunaan objek dan imej yang digunakan oleh penutur agak kabur untuk dianalisis di peringkat ini. Oleh itu, pengkaji akan membawa data slanga *jua langsung* ini terus kepada analisis SI. Walau bagaimanapun, makna mudah bagi slanga ini adalah seseorang yang selalu singgah merata-rata tempat.

### Analisis Semantik Inkuisitif

Slanga di KK yang mempunyai asosiasi dengan tumbuh-tumbuhan/buah-buahan adalah *jua langsung* (DMK) yang menggabungkan kata kerja iaitu *jua* (menjual) dengan kata nama merujuk kepada buah-buahan iaitu *langsar*. Pengkaji sudah memberikan makna mudah bagi slanga tersebut menggunakan melalui pendekatan semantik bentuk logik sebentar tadi.

Walaupun bagaimanapun, makna mudah yang membawa makna seseorang yang tidak tepati masa dan sering singgah merata-rata tempat sebelum sampai ke destinasi adalah tidak mampan untuk diberikan perincian makna sebegini. Oleh itu, pengkaji akan merungkai makna sebenar slanga tersebut melalui RRS terlebih dahulu dengan mengaitkan konteks di dalam perbualan tersebut.



Berikut merupakan contoh data ujaran yang terdapat di dalam transkripsi perbualan iaitu bagi slanga *jua langsung* yang dapat membantu menerangkan maksud sebenar slanga tersebut. Dalam frasa *payoh nok beruruse*, *payoh nok caro*, *dok tau mane kepala eko* dan *sesak merata jah* telah menunjukkan sikap seseorang yang tidak boleh dipercayai terutama dari segi masa. Frasa-frasa tersebut telah menjadi maklumat tambahan yang membantu pengkaji memahami maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur iaitu menggunakan istilah *jua langsung* bagi merujuk seseorang yang tidak tepati masa dalam berjanji malahan sering singgah di merata-rata tempat terlebih dahulu sebelum sampai ke destinasi.

Walaupun bagaimanapun, wujud persoalan bagi pengkaji mengapakah slanga *jua langsung* ini diberikan pendefinisian makna sebegini atau membawa makna yang konotasi sedangkan



aktiviti menjual buah-buahan seperti langsung adalah sesuatu pekerjaan yang amat baik malahan dapat menambahkan pendapatan seseorang itu. Oleh itu, beginilah sebabnya perlunya pendekatan SI untuk menjawab persoalan ini. Hal ini demikian kerana melalui pendekatan SI ini pengkaji perlu meneroka jawapan sebenar pemilihan objek dan imej dalam slanga tersebut yang dapat menonjolkan akal budi penutur apabila mengujarkan slanga tersebut.

Masyarakat di negeri Kelantan begitu terkenal dengan sikap suka berniaga sama ada secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran. Melihat sahaja di kawasan seperti Bazar Buluh Kabu, Pasar Borong Wakaf Che Yeh, Pusat Perniagaan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang KB Mall, Zon Bebas Cukai Pengkalan Kubur, Bazar Tok Guru dan KB Bazar rata-ratanya memperlihatkan kepesatan ekonomi perniagaan oleh masyarakat Kelantan yang suka berniaga. Tambahan pula, merujuk Rosniza Aznie Che Rose, Nurul Fatimah Jusoh, Rosmizah, Lyndon dan Mokhtar (2015:2) aktiviti perniagaan merupakan salah satu cabang daripada sektor ekonomi penting dan menjadi faktor ekonomi yang membantu pembangunan di sesebuah kawasan khususnya di bandar kecil. Ia menjadi satu kegiatan ekonomi yang tidak asing lagi bagi penduduk negara ini tidak kira sama ada di bandar besar, bandar kecil atau di kampung-kampung.

Rujukan-rujukan tersebut telah menambahkan hujahan pengkaji untuk menyatakan bahawa dengan berniaga dapat menambahkan pendapatan malahan, sesuatu pekerjaan yang positif. Namun begitu, kenapakah penutur mengaitkan slanga *jua langsung* dengan membawa makna yang konotatif. Baiklah pengkaji akan merungkai sebab-sebab pemilihan leksikal tersebut. Pertamanya kita melihat kepada sifat seseorang yang ingin menjual buah-buahan yang ringan seperti langsung, duku, ciku dan sebagainya. Untuk menambahkan pendapatan seseorang peniaga barang-barang tersebut tidak akan duduk di satu tempat sahaja untuk menjual buah-buahan tersebut dan cuba untuk bertukar-tukar tempat untuk menjual. Oleh sebab, penjual buah-buahan itu berniaga dari satu tempat ke sesuatu tempat penutur bijak membuat perumpamaan dengan menyifatkan seseorang yang sering singgah di merata-rata tempat terlebih dahulu sebelum sampai ke destinasi.

## KESIMPULAN

Pengkajian slanga yang melibatkan semantik inkuisitif masih lagi kurang dijalankan oleh sarjana-sarjana sama ada dalam mahupun luar negara. Hal ini demikian kerana pengkaji-pengkaji lepas tidak menyentuh makna slanga ini menggunakan analisis semantik inkuisitif (SI). Kajian mereka cukup sekadar mengetahui makna eksplisit dan implisit bagi sesuatu ujaran atau perkataan slanga itu sahaja tetapi, tidak pula mereka cuba meneroka makna sebenar di sebalik sesuatu slanga itu sehingga ke akal budi penuturnya. Dalam masa yang sama, pengkaji-pengkaji lepas juga tidak mempersoalkan kenapa objek dan imej bagi sesuatu perkataan itu dipilih bagi mewakili sesuatu slanga. Contohnya, kajian Zuraidah Mohd Sulaiman, Gan Kiat Chien, Eng Sze Boon & Ahmad Harith Syah Md Yusuf (2012). Pengkaji memetik salah satu daripada datanya iaitu, *kencing tak tos* yang membawa kepada makna eksplisit *tidak tos (menapis/tapis) semasa buang air kencing* atau makna sebenar bagi slanga tersebut adalah *budak hingusan/setahun jagung*. Berdasarkan data tersebut, pengkaji sebelum ini menginterpretasikan makna berdasarkan semantik skrip dan semantik resonans sahaja. Hal ini demikian kerana semantik skrip hanya melibatkan makna setara yang hanya bersifat harfiah dan pada peringkat kognitif penutur sahaja manakala, semantik resonans pula hanya melibatkan data, teori dan kognitif penutur sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Oleh itu,

kajian ini bukan sahaja dapat membuka lembaran baharu kepada bidang pengkajian slanga malahan juga bidang kajian semantik inkuisitif juga kerana sebelum ini hanya memfokuskan kepada data-data peribahasa sahaja.

## Nota

<sup>1</sup> Muhammad Zaid Daud merupakan seorang pelajar Sarjana (Linguistik) di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di bawah penyeliaan Dr. Fatimah Hj. Subet. Beliau telah menjalankan kajian tesisnya yang bertajuk Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. Fokus kajian beliau melibatkan bidang bahasa dan linguistik khususnya semantik, pragmatik dan sosiolinguistik. Selain melibatkan diri dalam penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel beliau turut aktif dalam penulisan puisi bersifat keagamaan, kemasyarakatan dan ironi.

## RUJUKAN

Abdul Ghani Abu. (2008). Slang penjara yang unik. *Jurnal Bahasa*, 2(1).

Aboh, R. (2015). Slang and multiple methods of interpreting sex and sexual identity in the Nigerian novel. *The African Symposium: An online journal of the African Educational Research Network*, 15(1), 91-97. Retrieved from <http://africanresearch.org/african-symposium/archives/TAS15.1/TAS15.1Aboh.pdf>

Arua, E. A., & Modupe, M. A. (2009). The creation of students' academic slang expressions in the University of Botswana. *Linguistik Online*, 4(9), 15-28. Retrieved from [http://www.linguistik-online.com/40\\_09/aruaAlimi.pdf](http://www.linguistik-online.com/40_09/aruaAlimi.pdf)

Ajid Che Kob. (1998). *Gah bahasa: beberapa persoalan yang menghambat bahasa Melayu*.

Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Awang Had Salleh. (1985). *Adat sopan dan budi bahasa*. Bandar Darulaman UUM: Penerbitan Sesukala.

Brooke, I. (1973). *English costume in the age of Elizabeth: The sixteenth century*. London: Adam & Charles Black.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Author.

Dumas, B. K., & Lighter, J. (1978). Is Slang a Word for Linguists? *American Speech*, 53(1), 5. doi:10.2307/455336

Inhorn, M. C. (2004). Middle Eastern masculinities in the age of new reproductive technologies: Male infertility and stigma in Egypt and Lebanon. *Medical Anthropology Quarterly*, 18(2), 162-182.

Junaini Kasdan, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur* (pp. 1-20). Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Gan, K. L. (2000). *Strategi penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina : satu kajian kes* (Master's thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2017a). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 67-89.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaidi Kasdan. (2017b). Refleksi dualisme 'Durian-Timun' dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 001-014.
- Kheren Kezia Adolof. (2014). *Slang dalam lagu Black Eyed Peas* (Master's thesis, Universitas Sam Ratulangi, Indonesia).
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). "Giler" atau "gile": Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. Retrieved from <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wpcontent/uploads/2016/12/6-Giler.pdf>
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur*. Paper presented at The International Conference on Language Studies (iCLS) 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel). 9 -10 Ogos 2017.
- Mhd. Amin Arshad. (2000). *Bahasa slanga: pembentukan dan ciri-cirinya dalam monograf bahasa, sastera, dan budaya Melayu*. Serdang, Selangor: UPM.
- Mohd Faizal Musa. (2014). Beberapa nota kearifan Melayu tentang sakit tuan: Satu pengenalan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(3), 87-97.
- Mohd Ismail Tambi. (1995). Pengenalan dan rawatan sakit tuan. *Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd* [Kuala Lumpur].
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished final year project). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud. (Terkini). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1). Retrieved from <https://ajap.um.edu.my/index.php/BRJ/article/view/10204/7239>

- Nadiah Suboh. (2013). *Aspek bahasa Melayu dalam penulisan blog berdasarkan perisian pengukuran NEMD versi 2.0* (Master's thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014a). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014b). *Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa*. Retrieved from Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia website:[http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas\\_kerja\\_norhashimah\\_jalaluddin](http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norhashimah_jalaluddin).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peribahasa 'Parasit' dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Seminar Bahasa dan Sastera 2015* (pp. 281-293). Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206.
- Rahmita Egilistiani, Wahya, & Nani Darmayanti. (2015). P Language Wordplay by Teenagers on Twitter in 2011–2013: A sociolinguistic study. *International Journal of English and Education*, 4(1), 217-227. Retrieved from [http://ijee.org/yahoo\\_site\\_admin/assets/docs/19.361132446.pdf](http://ijee.org/yahoo_site_admin/assets/docs/19.361132446.pdf)
- Rosniza Aznie Che Rose, Nurul Fatimah Jusoh, Rosmizah, M. Z., Lyndon, N., & Mokhtar, J. (2015). Perkembangan dan cabaran sektor perniagaan sebagai pemangkin pembangunan bandar kecil: Kajian empirikal di Daerah Besut, Terengganu. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 1-12.
- Sara Hashemi Shahraki, & Abbass Eslami Rasekh. (2011). Check this one out: Analyzing slang usage among Iranian male and female teenagers. *English Language Teaching*, 4(2), 198-205. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1080655>.
- Setiawan Nugroho. (2015). *Pembentukan kosakata slang dalam komunitas jkboss pada akun Twitter @JakartaKeras* (Master's thesis, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia). Retrieved from <http://eprints.uny.ac.id/26750/1/SKRIPSI.pdf>
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2008). *Bahasa Melayu I*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Surati Zakaria, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online®Journal of Language Studies*, 16(3), 187-204. doi:10.17576/gema-2016-1603-12
- Tay, M. G. (2010). Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1-26.

Wespes, E., Amar, E., Hatzichristou, D. G., Montorsi, F., Pryor, J., & Vardi, Y. (2002). Guidelines on erectile dysfunction. *Eur Urol Journal*, 41(1), 1-5.

Zhou Y., & Fan Y. (2013). A sociolinguistic study of American slang. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(12), 2209-2213. Retrieved from <http://www.academypublication.com/issues/past/tpls/vol03/12/08.pdf>

Zuraidah Mohd Sulaiman, Gan Kiat Chien, Eng Sze Boon, & Ahmad Harith Syah Md Yusuf. (2012). *Slanga remaja melayu dan cina : analisis awal berdasarkan teori relevan*. International Conference On Arts, Social Sciences, And Technology (ICAST2012).